



KENYATAAN MEDIA BERSAMA

JKKN, SPRM ANJUR TIGA PERTANDINGAN KESENIAN SEBAR LUAS MESEJ ANTIRASUAH

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menganjurkan tiga program kerjasama strategik bertemakan antirasuah bagi meningkatkan lagi kesedaran orang ramai untuk memerangi jenayah rasuah.

Tiga program tersebut, adalah Kolokium Antirasuah 'Adat Papatih Melingkari Hidup Berintegriti' pada 26 Jun 2021 yang akan diadakan di Auditorium Kompleks JKKN Negeri Sembilan. Ucaptama Kolokium tersebut akan disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Bin Yatim.

Pertandingan *Battle Of The Bands* 'Tak Nak Rasuah' akan diadakan pada 4 September 2021 di Auditorium Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Selangor. Johan pertandingan akan menerima wang tunai sebanyak RM10,000.00, Naib Johan sebanyak RM 7,000.00 dan tempat ketiga akan menerima wang tunai sebanyak RM 5,000.00. Bagi Hadiah Khas Vokal Terbaik, Persembahan Terbaik dan, Ciptaan Lagu 'Tak Nak Rasuah' Terbaik masing-masing akan menerima wang tunai sebanyak RM500.00.

Pertandingan Dondang Sayang Pantun Bertema Antirasuah yang akan diadakan pada 16 & 17 Ogos 2021 (secara dalam talian) akan mempertandingan 2 kategori iaitu bagi Kategori Kanak-Kanak, Johan akan menerima wang tunai sebanyak RM 500.00, Naib Johan sebanyak RM 300.00 manakala tempat ketiga pula akan membawa balik wang tunai sebanyak RM 200.00. Bagi Kategori Dewasa Johan akan menerima wang tunai sebanyak RM 1,500.00, Naib Johan RM 1,000.00 dan tempat ketiga akan menerima wang tunai

sebanyak RM 500.00. Bagi Pertandingan Akhir pada 25 September 2021, sepuluh (10) pasangan duet terbaik bagi kedua-dua kategori akan dipilih dan dipertandingkan secara fizikal di Panggung Seri Kompleks JKKN Melaka.

Menariknya, ketiga-tiga program berkenaan wajib memasukkan elemen antirasuah serta integriti dan dipersembahkan menerusi seni budaya. Secara tidak langsung pendekatan yang dibuat ini bukan sahaja dapat memertabatkan seni budaya malahan juga menjadikan seni budaya sebagai medium yang berkesan mendidik serta mendapatkan sokongan masyarakat dalam usaha memerangi gejala rasuah.

Aktiviti seni budaya yang mudah diterima oleh segenap lapisan dilihat mampu memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kesan rasuah kepada negara, pada masa yang sama juga menjadi satu platform kepada mereka yang berminat dalam bidang seni budaya untuk mempamerkan bakat serta kreativiti bagi mendidik masyarakat untuk menjauhi rasuah.

Selain itu, program yang menggunakan pendekatan serampang dua mata ini diharapkan berjaya membina satu rangkaian kerjasama pelbagai agensi seperti kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), media, pencinta seni serta seluruh masyarakat Malaysia supaya berdiri teguh untuk terus memerangi jenayah rasuah bersama SPRM.

Program-program yang dianjurkan ini terbuka kepada setiap lapisan masyarakat. Penganjuran program pada tahun ini merupakan lanjutan daripada kejayaan penganjuran Pertandingan Dikir Barat 'Tak Nak Rasuah' yang diadakan di JKKN Kelantan pada tahun 2019 hasil kerjasama antara kedua-dua pihak.

Bagi mereka yang berminat untuk menyertai program tersebut, boleh melayari laman web www.jkkn.gov.my atau laman sosial *Facebook* Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
4 MEI 2021